



## Apa Pendapat Biskita?

### LESEN PEKERJA ASING

**L**PA bermaksud Lesen Pekerja Asing. Ia merupakan proses baharu yang diperkenalkan di Jabatan Buruh bagi permohonan mendapatkan kebenaran mendatangkan pekerja asing untuk berkhidmat di sesebuah syarikat. Secara ringkasnya, proses ini adalah Penggabungan Lesen dan Sokongan Pas Kerja dan meniadakan sistem kuota yang lazimnya digunakan.

LPA boleh dipohon oleh semua majikan yang berhasrat untuk mengambil dan mengaji pekerja asing kecuali majikan Perkhidmatan Rumah Tangga (Amah) tanpa perlu mendaftar ke dalam LCS terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Bagi setiap permohonan LPA bagi pekerja baharu hendaklah melalui agensi pekerjaan yang berlesen di Jabatan Buruh, mana-mana permohonan membaharu / transfer boleh dibuat dan diadapakan oleh majikan sendiri atau wakil majikan yang telah diberi kuasa atau agensi pekerjaan yang berlesen.

Sehubungan itu, Pelita Brunei menghubungi beberapa orang ramai mengenai sistem tersebut.

- "Proses LPA yang berkuat kuasa pada 1 April 2017 adalah langkah dan inisiatif berterusan yang diambil pihak Jabatan Buruh bagi memastikan proses ini menjadi lebih cepat dan efisien sesuai dengan TPOR yang dirangka, iaitu mengurangkan jangka masa dari 41 ke 9 hari waktu bekerja dan 18 hari bekerja bagi sektor pembinaan, ia selari dengan kehendak salah satu inisiatif Wawasan Brunei 2035," **Noralipah Haji Mohamed.**

- "LPA jika terlalu banyak warga asing diambil bagi kegunaan pengurusan pekerjaan ia mungkin akan membebaskan warga tempatan yang masih tidak mempunyai pekerjaan untuk mengisi ruang kosong seperti menjadi pelayan di kafe atau restoran kerana majoriti telah diisi oleh warga asing, mengenai pengambilan warga asing ini juga ia harus dipantau memandangkan bilangannya yang kian meningkat, ada baiknya juga ia diadapakan bagi memberikan laluan kepada anak-anak tempatan bekerja," **Rol, BSB.**

- "Dengan memberikan kebenaran bagi kemasukan warga asing ke negara kita melalui permohonan LPA merupakan satu cara yang mudah apatah lagi dengan adanya TPOR yang tidak memakan masa yang begitu lama.

Kita juga sedia maklum pekerjaan yang melibatkan pembangunan, kontraktor, pelayan-pelayan restoran atau gerai-gerai makan banyak diambil alih oleh pekerja luar. Ada baiknya jika kekosongan pekerjaan yang ada diberikan kepada anak tempatan sendiri untuk mencuba kerana ini dapat membantu mereka menimba pengalaman dari pekerjaan tersebut sekaligus mengurangkan pengangguran," **Haji Rashidi MN.**

- "Negara kita tidak terkecuali dari mengalami jumlah kemasukan warga asing yang banyak. Namun kita juga harus memikirkan dari sudut ekonomi dan keselamatan negara. Dengan adanya LPA memudahkan majikan membuat permohonan mendapatkan kebenaran kemasukan warga asing berkerja di syarikat mereka. Apa pun alasannya pihak berwajib perlu juga membuat penyelidikan sebelum memberikan kebenaran warga asing untuk masuk dan bertugas di negara kita," **Prihatin Anak Tempatan.**

- "Apa pun, memang ada kebaikan dan juga keburukan LPA tersebut, antara kebaikan yang diperolehi ia dapat membantu orang kitani dalam membuat kerja-kerja yang tidak dapat dibuat oleh orang-orang kitani misalan kerja-kerja yang melibatkan pembangunan," **Abdul Hamid Katok.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan tiga tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

i. Permohonan ABCi.

ii. Bru-HIMS.

iii. Pengguna telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah.

## Notis pemberitahuan bagi waris-waris Ahli Skim SCP

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 September. - Pihak Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memohon kerjasama waris-waris Ahli Skim SCP supaya akan dapat hadir ke mana-mana cawangan TAP yang terdekat untuk membuat permohonan Manfaat Keberterusan (Survivorship Benefit) sesegeranya dengan membawa dokumen-dokumen yang diperlukan.

Waris yang berkenaan terdiri daripada ahli yang meninggal adalah suami atau isteri yang tidak mempunyai anak (*Deceased member was the spouse with no children*); Ahli yang meninggal adalah suami atau isteri yang mempunyai anak berumur 21 tahun ke atas (*Deceased member was the spouse with the children aged 21 and above*); Ahli yang meninggal belum berkahwin (*Deceased member was single*); Ahli yang meninggal adalah suami dan meninggalkan balu dan kesemua anak (berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin) (*Deceased has a widow and children (aged under 21 years old and unmarried)*) dan ahli yang meninggal adalah bapa tunggal dan meninggalkan anak-anak (berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin) (*Deceased was a single father and has children (aged under 21 years old and unmarried)*).

Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2382800 semasa waktu bekerja.

# Pendaftaran Program Tadabbur Al-Quran dibukakan

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Universiti Islam Sultan Sharif

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai bagi Sesi September 2017M.

Selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Program Tadabbur Al-Quran ini khusus diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan pada Al-Quran serta menjauhi tafsiran-tafsiran palsu juga mengelirukan.

Sehubungan itu, pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan daripada kalangan persatuan-persatuan wanita, persatuan bukan kerajaan (NGO), pegawai dan kakitangan kerajaan, pegawai serta kakitangan swasta, orang mualaf juga individu-individu yang berminat untuk menyertai program tersebut.

Program Tadabbur Al-Quran akan diadakan sekali seminggu, iaitu setiap Ahad, jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi dan akan dikendalikan selama enam minggu.

Tarikh akhir pendaftaran sebelum 13 September ini dan program berkenaan akan bermula pada 17 September. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA melalui talian +673 2462000 sambungan 204 / 202.

PROGRAM TADABBUR AL-QURAN

UNTUK ORANG RAMAI

TEMPOH KURSUS: 6 MINGGU

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi  
PUSAT KEPIMPINAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT, UNISSA  
No Tel: 2462000 ext 202/204,  
layari [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)



# LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

1.'Perahu Tambang Di Kampong Ayer'. - Tarikh Tutup 16 September 2017  
2.'Saya Suka Membaca Pelita Brunei'. - Tarikh Tutup 30 September 2017  
3.'Perarakan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta'. - Tarikh Tutup 14 Oktober 2017

TAJUK-TAJUK HENDAKLAH DIHANTAR SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI

